

Malaysia tidak iktiraf Elly Pamatong; Dr Mahathir

BH 6 JAN 2002

PUTRAJAYA: Malaysia tidak mengiktiraf Elly Pamatong sebagai peguam bekas gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika ditanya mengenai surat rayuan terakhir yang dihantar Pamatong kepadanya, kelmarin supaya membebaskan Misuari kerana didakwa penahanannya tidak sah, Perdana Menteri bagaimanapun enggan mengulas lanjut.

"Kita tak iktiraf dia sebagai peguam," katanya ketika menghadiri majlis rumah terbuka Aidilfitri Kementerian Luar di Wisma Putra di sini, semalam.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang ditemui pada majlis sama pula berkata, Pamatong perlu menggunakan saluran betul dan sempurna dalam usahanya menangani isu Misuari.

Ditanya sama a& tindakan perlu diambil terhadap Pamatong yang membuat pelbagai kenyataan kononnya selaku peguam kepada Misuari, Syed Hamid berkata terpulang kepada dia untuk berbuat demikian.

"Saya rasa, dia nak buat kenyataan mengapa pula kita perlu

bimbang. Biar dia buat kenyataan. Jika anda (media) fikir ia tiada faedah (nilai berita) menyiarkannya, maka mengapa harus kita menyiarkannya kerana akan timbul isu demi isu.

"Jika dia bertindak bagi pihak Misuari, biar dia berbuat apa dia suka selagi dia tidak melanggar undang-undang kita," katanya.

Mengenai tarikh penghantaran pulang Misuari ke Filipina, beliau berkata Malaysia memang sudah bersetuju berbuat demikian dalam jangka masa tidak lama lagi dan sedang mengatur segala persiapan.

"Semua perancangan sudah berjalan dengan baik insya-Allah ia akan dilakukan secepat mungkin. Macam mana dia dibawa balik, kita akan bincangkan tetapi Misuari tetap dihantar balik," katanya.

Dalam perkembangan lain, Syed Hamid berkata penangkapan terbaru 13 anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM) menunjukkan keberkesanan usaha kerajaan mengawal keadaan keselamatan dalam negara daripada tidak terkawal.

Katanya, kejayaan menangkap mereka terbabit memberi keyaki-

nan baru bahawa risikan Malaysia adalah sangat baik dan pihak berkuasa pula banyak mengambil langkah awal.

"Untuk ini semua, pelabur dan rakyat asing berasa sangat selesa di Malaysia sebagai tempat selamat kerana kita tidak membenarkan sebarang bentuk keganasan yang boleh menjejaskan nama baik negara," katanya.

Ditanya sama ada Malaysia perlu mengkaji semula dasar visa untuk warga asing memasuki negara ini dalam usaha membendung kemasukan mereka yang disyaki sebagai pengganas antarabangsa, beliau berkata ia tidak perlu berbuat demikian.

Katanya, Malaysia mahu mengalakkan kedatangan pelancong dan akan membenarkan kemasukan mereka selagi pihak berkuasa negara ini tidak mempunyai rekod mereka terbabit dalam kegiatan pengganas.

"Tetapi jika kita mempunyai maklumat bahawa mereka datang untuk mencetuskan kekacauan di negara kita, maka kita akan mengambil tindakan dan tidak akan membenarkan mereka masuk," katanya.